

## Persisi gembira peserta kejohanan nasional terus meningkat

Berita Harian, 2 April 2013, Page 16

Article is not available on microfilm

Printer-Friendly Page

### *Persisi gembira peserta kejohanan nasional terus mer...*

**SILAT** . - Oleh 1 YUSOFF A. RAHMĀN.

SETIAP tahun bilangan pesilat yang menyertai Kejohanan Silat Nasional terus meningkat.

Tahun ini, terdapat 450 peserta dengan 279 lelaki dan 171 wanita.

Kejohanan ini akan membuka tirainya di Dewan Sukan Pasir Ris pada 6 dan 7 April dan kemudian diteruskan pada hujung minggu berikutnya.

Melahirkan kegembiraannya dengan sambutan yang semakin meningkat, Setiausaha Agung Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Isiah Majid, berkata: "Jumlah penyertaan ini adalah jauh lebih banyak daripada tahun lalu.

"Kali ini kami menerima penyertaan 450 peserta berbanding tahun lalu iaitu 370 pesilat.

"Setiap kali kami menganjurkan kejohanan ini, yang telah berjalan selama beberapa tahun, kami tetap rasa khuatir jika sambutannya berkurangan.

"Tetapi sejak lima tahun lalu, sambutan terus meningkat."

Sebanyak 21 perguruan akan mengambil bahagian.

Mereka terdiri daripada Al-Haq (23 peserta), Benteng Diri Singapura (35), Cekak Serantau (20), Gerak Bayangan (sembilan), Jaka Sakti (13), Kendung Putih (satu), Macan Pasrah (tiga), Perguruan Seni Bela Tapak Suci (sembilan), Perguruan Seni Silat Gayong Singapura (empat), Perguruan Silat Seligi Tunggal Angkatan (66), Seligi Tunggal Kemuning (satu), Sendeng Belalang (32), Sendeng Seturut (lapan), Seni Grasio (110), Seni Silat Harimau (satu), Seni Silat Pukulan (10), Setia Hati ESHA (25), Sunda Pajajaran (39), Warisan Pendita Suci (17), Perguruan Silat Cimande Singapura (17), dan Pencak Sendeng (tujuh).

Perguruan tunggal yang tidak mengambil bahagian ialah Kuntau Asli.

Menjelaskan lebih lanjut mengenai kejohanan ini, Isiah memberitahu bahawa setiap pesilat nasional digalakkan agar mengambil bahagian.

"Bukan satu kemestian pesilat mengambil bahagian. Ini adalah kerana kami tidak mahu memaksa mereka mengambil bahagian jika mereka masih cedera.

"Kami juga sedar ada pesilat nasional yang belum pulih daripada kecederaan, seperti Zulaika Zakaria dan Zakiah Zakaria.

“Tetapi jika pesilat tidak menghadapi masalah kecederaan, maka kami galakkan mereka mengambil bahagian.

“Ini kerana salah satu kriteria untuk dipilih mewakili negara dalam kejohanan antarabangsa seperti Sukan SEA ialah menjadi juara nasional.


“Tetapi, jika ada peserta yang tidak dapat mengambil bahagian kerana tiada seteru dalam kategorinya, maka kami akan membuat rayuan jika kami memerlukan tenaganya dalam kejohanan antarabangsa,” kata Isiah.

Tahun lalu, Seni Grasio menguasai keseluruhan kejohanan ini buat tahun ketujuh berturut-turut.

Antara pesilat Seni Grasio dalam kejohanan ini ialah johan dunia, Shakir Juanda.

Antara pesilat handalan silat Perguruan Al-Haq pula adalah dua peserta bersaudara, Mohamed Elyasak Said, dan kakaknya, Saiedah, yang pernah menjadi juara dunia.

Elyasak pernah memungut pingat gangsa dalam Sukan SEA Laos. – Oleh YUSOFF A. RAHMAN.



**WAKIL AL-HAQ:** Mohamed Elyasak Said bersama kakaknya, Saiedah, akan turut mengambil bahagian. – Foto fail

– Foto fail